

Asnaf cemerlang terima komputer riba


SHAH ALAM- Lembaga Zakat Selangor (LZS) menyumbangkan sebanyak 200 unit komputer riba kepada 200 mahasiswa daripada keluarga asnaf fakir yang mendapat dermasiswa LZS.

Majlis Mesra Pelajar tajaan LZS itu diadakan di Universiti Selangor (Unisel) Kampus Shah Alam dan disempurnakan oleh Mufti Selangor, Datuk Mohd Tamyès Abdul Wahid serta turut disertai anak-anak asnaf dari institusi pengajian tinggi lain seperti Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaya (UM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (Usim)

Mohd Tamyès berkata, sumbangan komputer riba melibatkan kos sebanyak RM400,000 itu bukan angka kecil dan LZS meletakkan harapan tinggi kepada pelajar agar memanfaatkan bantuan tersebut demi menggapai kecemerlangan berterusan dalam pendidikan.

"LZS memulakan pemberian komputer riba sejak 2004 kepada mereka yang cemerlang dengan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.0 ke atas, bagaimanapun bermula tahun ini mereka yang memperoleh PNGK 2.5 ke atas sudah layak menerima bantuan ini secara automatik daripada LZS.

"Saya menyeru kepada pelajar lain yang masih belum berjaya mendapatkan bantuan komputer riba ini agar menjadikannya sebagai pembakar semangat untuk ber-



Sebahagian mahasiswa cemerlang yang menerima bantuan komputer riba daripada LZS.

usaha gigih menjadi salah seorang mahasiswa bertuah yang mendapat kemudahan ini," katanya ketika berucap di majlis tersebut.

Dalam perkembangan sama, Mohd Tamyès turut mengingatkan kepada penerima agar tidak lupa membalas budi baik LZS dengan membayar zakat apabila berjaya nanti bagi meningkatkan kutipan pada tahun mendatang.

"Bukan itu sahaja, sehingga Disember 2012, LZS membiayai seramai 2,320 mahasiswa asnaf fakir dan miskin anak Selangor yang melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi awam dan swasta seluruh negara bermula dari peringkat sijil hingga ke doktor falsafah," katanya.

Sementara itu, Naib Canselor Unisel,

Profesor Dr. Anuar Ahmad berkata, beliau berharap mahasiswa asnaf berkenaan berusaha lebih gigih untuk melakar kejayaan diri dan keluarga agar tidak terus terbelenggu masalah kewangan.

"Jangan sia-sia pemberian ini, manfaatkan sebaik-baiknya nya dan tidak sesekali menggunakan ke arah perkara sia-sia demi mencapai taraf negara maju, generasi ini perlu berikan usaha terbaik," katanya.

Seorang penerima, Hidayatull Husna, 21, meluahkan rasa syukur dan terima kasihnya kepada LZS kerana memudahkan pembelajaran nya.

"Pemberian komputer riba ini membolehkan saya belajar dengan selesa tanpa menyusahkan ibu untuk membelinya," katanya.